

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



MENJANA PENDAPATAN SAMPINGAN DI KALANGAN PELAJAR

Haslenda Yusop^{1*}, Azlina Jumadi¹, dan Dr. Siti Afiqah Mohammad¹

¹Fakulti Sains Komputer & Matematik, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR, SeGAMAT, Johor.

^{1*}Koresponden: haslenda381@uitm.edu.my

Penularan wabak Covid-19 telah merubah rutin keseluruhan sektor dalam negara termasuklah sektor pendidikan. Krisis global ini telah menyebabkan sistem pendidikan negara beralih menggunakan medium pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di semua peringkat. Secara tidak langsung, ia telah mewujudkan keperluan bagi setiap pelajar untuk mempunyai peranti telekomunikasi sendiri dengan capaian internet yang baik. Lantas, ini secara langsung telah mencipta peluang kepada pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah atau universiti memanfaatkan penggunaan peranti telekomunikasi untuk menjana pendapatan sampingan.

Bagi sesetengah pelajar, mempunyai pendapatan sampingan sendiri amat diperlukan. Ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban membeli barangan keperluan peribadi atau buku rujukan. Bagi tujuan ini, terdapat pelbagai cara yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar bagi menjana pendapatan. Antaranya pelajar boleh mengoptimumkan penggunaan peranti dengan menjadi ejen dropship. Menjadi ejen dropship adalah pilihan yang bijak kerana urusan pengeposan dan penyimpanan stok produk jualan akan diuruskan oleh pemilik atau syarikat produk berkenaan. Tanpa memerlukan modal kewangan yang besar, pelajar boleh mempromosikan produk di platform media sosial seperti Facebook, Instagram mahupun Tiktok. Walau bagaimanapun, kaedah ini memerlukan pelajar untuk bijak membuat promosi produk sama ada melalui pengalaman sendiri menggunakan produk tersebut atau dari testimoni pelanggan terdahulu.

Selain itu, pelajar mempunyai pilihan untuk menjadi pembeli peribadi (personal shopper) bagi sesuatu produk. Bagi sesetengah pembeli peribadi, mereka boleh memilih bekerja sendiri secara bebas (freelance) ataupun dibayar majikan iaitu pemilik butik. Jika bekerja secara bebas, pendapatan akan dikira dari upah pembelian barang. Oleh itu, menjadi pembeli peribadi secara bebas boleh menjadi pilihan pelajar jika mempunyai akses mudah ke butik-butik tertentu di bandar-bandar besar mahupun luar negara. Namun cara ini memerlukan banyak masa untuk pelajar bagi memproses pembelian dan seterusnya pengeposan barang.

Pelajar juga mempunyai pilihan untuk menjadi pencipta kandungan (content creator) seperti youtuber. Kandungan yang viral akan meningkatkan bilangan pelanggan (subscriber). Ini secara langsung membuka peluang kepada youtuber membuat ulasan berbayar bagi sesuatu produk dan seterusnya menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, untuk menjadi pencipta kandungan, pelajar memerlukan kemahiran komunikasi yang baik, berdaya kreatif, peka isu semasa dan peralatan yang mencukupi.

Sebenarnya, banyak lagi cara yang boleh digunakan oleh pelajar untuk menjana pendapatan. Asal rajin berusaha dan bersungguh-sungguh pasti ada imbuhan. Namun diingatkan, pelajar perlu bijak dalam pegurusan masa agar dapat menyeimbangkan masa belajar dan juga berniaga. Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ pasti ada jalan.

Rujukan

[1] <http://umkeprints.umk.edu.my/7406/1.haslightboxThumbnailVersion/2017-06-15%20%281%29%200006.jpg>

